

KESAN KETAMADUNAN ISLAM ANDALUSIA DALAM NOVEL MELAYU PILIHAN MUTAKHIR

Kamariah Kamarudin, Nor Shahila Mansor, Muhd Zulkifli Ismail

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Malaysia.

*Corresponding author zulismail@upm.edu.my

Abstrak

Perkembangan ketamadunan Islam menyerlah sejak berabad lamanya dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Hal ini terungkap dalam sejarah dunia secara umumnya, selain menerusi sejarah Islam khususnya yang merakamkan hubungan ketamadunan Islam dengan pertumbuhan kehidupan manusia dan pembangunan masyarakat. Begitu juga halnya dengan perkembangan persuratan Melayu tanahair yang memperlihatkan kesan ketamadunan Islam dalam karya sastera yang menyaksikan kelahiran pengarang-pengarang baharu yang menggalurkan nilai ketamadunan Islam yang berlatarkan bumi Andalusia dalam karya masing-masing. Justeru, makalah ini merungkai tentang kesan ketamadunan Islam dalam dua novel Melayu pilihan mutakhir, iaitu novel *Lentera Cinta Albaicin* (Mazny M.R., Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2011) dan *Nuansa Kota Merah* (Khayrn Othman, Karangkraf, 2011) sebagai kajian. Kedua-duanya berlatarkan bumi Andalusia yang memperlihatkan ketamadunan Islam dikemukakan dalam novel terbabit. Pendekatan kajian adalah menggunakan kaedah analisis teks dan pendekatan tematik. Kajian ini akan memperlihatkan nilai ketamadunan daripada tiga sudut, iaitu agama, budaya dan sosial yang akhirnya menyerlahkan sejarah Islam. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa ketamadunan Islam yang berlatarkan bumi Andalusia dimanfaatkan pengarang dalam berkarya sebagai perutusan yang bermanfaat untuk khalayak pembaca.

Kata kunci: ketamadunan – Islam – Andalusia - novel Melayu

Abstract

The development of Islamic civilization has been spanning for hundreds of years and encompass various aspects of life. This is revealed in the history of the world in general, as well as through the history of Islam, especially those who record the relationship of Islamic civilization with the growth of human life and community development. Similarly, with the development of the Malay language of the birthplace which illustrates the impact of Islamic civilization in literary works witnessing the birth of new authors who channeled the value of Islamic civilization that surrounded the Andalusia in their respective works. Therefore, this paper discusses the impact of Islamic civilization in two recent Malay novels, the novel *Lentera Cinta Albaicin* (Mazny M.R., Galeri Ilmu Sdn Bhd, 2011) and *Nuansa Kota Merah* (Khayrn Othman, Karangkraf, 2011). Both storyline used Andalusia as he plot which shows Islamic civilization is presented in the novel. The approach of the study is to use the text analysis method and the thematic approach. This study will show the values of civilization from three angles, namely religion, culture and social that ultimately highlight the history of Islam. Based on the study, it is clear that Islamic civilization, which is around the Andalusian earth, is used by authors to work as a useful message for readers' audiences.

Keywords: civilization - Islam - Andalusia - Malay novel

© 2017 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENDAHULUAN

Perkembangan novel Melayu mutakhir menyaksikan muatan latar yang bukan sahaja berlegar di tanahair bahkan menjangkau dunia antarabangsa. Terdapat kecenderungan para penulis baharu menampilkan latar luar negara sebagai paksi pengkaryaan dengan membawa pelbagai isu sangat. Pengutaraan latar luar negara ini sedikit banyak menyumbang kepada makluman penghayatan para pengarang terhadap isu dunia yang melibatkan banyak aspek kehidupan. Sehubungan itu, paparan isu dalam novel terbabit bukan sekadar berlegar tentang hal kemanusiaan dan kemasyarakatan bahkan membawa pergulatan tentang ketamadunan duniaMaka, ini yang disuguhkan dalam dua buah novel mutakhir, iaitu *Lentera Cinta Albaicin* karya Mazny M. R (2011) dan *Nuansa Kota Merah* karya Khayrn Othman (2011). Selain membawa unsur Islam, turut disisipkan tentang budaya dan warisan serta hubungan sosial dalam masyarakat di bumi Andalus. Dengan menjadikan latar Albaicin dan Granada, novel nukilan penulis tanahair ini berupaya membuka pencerahan ketamadunan Islam di bumi Andalus.

■2.0 METODOLOGI

Justeru, makalah ini merungkai tentang hubungan ketamadunan Islam dan bumi Andalusia dalam dua novel terbabit. Perungkai dilakukan terhadap tiga perkara, iaitu agama, budaya dan sosial. Namun begitu, penelitian terhadap perkembangan hubungan ketamadunan Islam dan bumi Andalusia perlu diberikan gambaran awal untuk melihat sejauh mana garapan yang dibangunkan kedua-dua pengarang seajar dengan sejarah peradaban Islam yang menjadi suatu legenda dunia. Pendekatan yang digunakan adalah analisis teks berdasarkan

pendekatan tematik, yang disampaikan melalui konsep atau idea yg besar. Tema dipecahkan kepada komponen kecil bagi membolehkan pengkaji menganalisis, membuat generalisasi dan mengaplikasi maklumat dan pengetahuan.

■3.0 HUBUNGAN KETAMADUNAN ISLAM DAN BUMI ANDALUSIA

Perihal pentingnya tamadun Islam dalam perkembangan ketamadunan dunia lantaran ia merupakan pergerakan dan perkembangan peradaban manusia. Walaupun berpuluhan tamadun telah diwujudkan oleh manusia sebelum kemunculan tamadun Islam seperti Babylon, Assyria, Chaldea, Sumeria, Mesir, Phoenicia, Carthage, Farsi, Sasani, Achaemenia, Media, Arya, Phartia, India, Rom, Yunani, Byzantine, Jepun, China dan Barat, namun tamadun Islam merupakan pencapaian yang seimbang dari sudut material dan rohani. Hal ini demikian kerana tamadun Islam memerlukan kehidupan yang baik dan pencapaian kemajuan di dalam pelbagai aspek termasuk kehalusan budi dan kebendaan (Mustafa Haji Daud, 2002).

Didapati bahawa kemunculan tamadun Islam yang berorientasikan agama dan universal menyumbang kepada kebaikan dan keharmonian manusia sangat berasaskan kepada nilai-nilai luhur dalam kehidupan. Selain itu, menurut Malik Bennabi juga bahawa pembangunan tamadun dan peradaban Islam berasaskan kepada nilai-nilai yang bersesuaian dengan ajaran Islam yang syumul yang membawa manusia kepada kehidupan duniawi dan ukhrawi yang seimbang (Usman Syihab, 2009). Hal ini diperkuatkan dengan pandangan Muhammad Uthman el-Muhammady (1976) dan Ismail Hamid (1983) yang menyatakan bahawa peradaban merupakan pencapaian manusia dalam kedua-dua bidang, iaitu kerohanian dan kebendaan; maka ini seajar dengan tamadun Islam yang mementingkan hal-hal demikian. Begitu juga halnya dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menyatakan kepentingan peradaban dan ketamadunan Islam yang berpaksikan kepada pendidikan manusiawi menerusi buku-bukunya, iaitu *Islam: The Concept of Religion and the Foundations of Ethics and Morality* dan *The Meaning and Experience of Happiness in Islam* (Mohd Sani Badron, 2012).

Sehubungan itu, kemunculan tamadun Islam yang bertunjangkan kepada ilmu sains dan teknologi sebagaimana kota raya Andalusia memperlihatkan kehebatan Islam pada kacamata Barat. Hal ini misalnya diakui oleh tokoh sarjana Barat, iaitu Jesuit Juan Andres dalam bukunya *Origin, Progress and Present State of World Literature* (Mustafa Hj. Daud, 2004). Malahan istilah “Andalus” yang digunakan itu merangkumi negara Spain dan Portugal hari ini. Menurut sejarah, ia diberikan nama sedemikian hasil daripada kedatangan orang Islam ke kawasan terbabit yang pada asalnya terdapat beberapa nama, iaitu “Iberia”, “Hespania” dan “Betica” (Osman Haji Khalid, 1997). Perkembangan Islam yang sampai ke benua Eropah pada akhir abad pertama hijrah telah membawa Andalusia sebagai sebuah ketamadunan Islam yang unggul. Hal ini juga menunjukkan kejayaan umat Islam mengembangkan dakwah Islam dengan menyeberangi Laut Mediteranean dan mendarat di Gibraltar sekaligus menguasai wilayah yang amat luas di Eropah yang pada masa itu berada dalam zaman kegelapan (*dark ages*). Pemerintahan Islam di Andalus mengambil tempoh yang lama, iaitu lebih dari lapan abad mulai dari tahun 91 H/711 M sehingga tahun 898 H/1492 M, dan ia sezaman dengan era Umayyah dan Abbasid di timur empayar Islam. Pembukaan Iberia yang kemudiannya dinamakan dengan Andalus ini telah diterajui oleh seorang tokoh terkenal dalam sejarah awal pembukaan Islam di Andalus bernama Thariq ibn Ziyad.

Sehubungan itu, didapati bahawa kerajaan Islam di Andalusia melalui beberapa tahap dan peringkat (Raghib As-Sirjan, 2013), iaitu:

- (i) Zaman Pemerintahan bergabenor (*al-Wulat*) 91H/711M sehingga 138H/756M
- (ii) Zaman Pemerintahan Bani Umayyah 138H/756M sehingga 422H/1031M
- (iii) Zaman Pemerintahan Negara Kecil (*Muluk al-Tawaif*) 422H/1031M sehingga 503H/1109M
- (iv) Zaman Pemerintahan al-Murabitun 503H/1109M sehingga 524H/1129M
- (v) Zaman Pemerintahan al-Muwallhidun 524H/1129M sehingga 667H/1268M
- (vi) Zaman Pemerintahan Bani Nasr/Bani al-Ahmar 667H/1268M sehingga 898H/1492M

Walau bagaimanapun, fakta dan sejarah tentang pembukaan dan kejatuhan kerajaan Islam di Andalusia mempunyai pelbagai pandangan (Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, 2011). Malahan didapati bahawa masyarakat Andalusia pada masa itu terbahagi kepada beberapa golongan, iaitu orang Arab yang datang membuka Eropah, orang Andalusia sendiri (*al-Musalimin*) yang telah memeluk Islam, orang Barbar yang datang dari Utara Afrika dan yang berusaha mendalaminya bahasa Arab, orang Mawali (bekas hamba) orang-orang Umayyah yang memainkan sejarah politik dan orang Andalusia yang tidak memeluk Islam (ahl Zimmah) dan membayar jizyah dan patuh kepada pemerintahan Islam. Seterusnya menjelang abad ke-4 Hijrah, Andalusia berada di puncak keagungannya sementelah puluh Cordova yang menjadi ibu negerinya mewujudkan tujuh puluh buah perpustakaan dalam penyebaran ilmu. Selain itu, dua lokasi penting dalam sejarah peradaban Islam di Sepanyol ialah Mezquita dan Medina Zahra. Mengikut sejarah, Mezquita merupakan masjid terbesar di Eropah dan kedua terbesar di dunia Islam. Malahan senibina Mezquita di bahagian gerbangnya telah diadaptasikan dalam gereja-gereja lain di Eropah. Medina Zahra pula merupakan bandar yang terletak di kaki Sierra Morena, iaitu 8 km dari Cordoba. Ia menjadi kegemilangan Islam daripada sudut binaan bangunan, namun hayatnya tidak lama kerana diserang askar Berber.

Didapati antara kota raya yang termasyhur di Andalusia ialah Cordova, Seville, Malaga, Toledo dan Granada. Toledo terkenal sebagai sebuah pusat terjemahan unggul yang melibatkan ramai penuntut ke sana untuk mendalaminya ilmu dan pembendaharaan tamadun Islam. Malahan dengan pembukaan Pulau Sicily oleh tentera Islam dalam tahun 212 Hijrah, ia telah menjadi nadi utama Lautan Mediterranean sebagai pintu masuk ke benua Eropah, Asia Barat dan Utara Afrika. Andalusia melahirkan pelbagai tokoh dalam pelbagai bidang ilmu bermula dengan ilmu-ilmu yang mendasari syariah Islam seperti Ibn Hazm al-Andalusi, Imam al-Qurtubi, dan ibn al-'Arabi. Seterusnya senarai tokoh ilmuan ini meliputi pelbagai cabang ilmu seperti fizik, astronomi, falsafah, sains, matematik, geografi dan perubatan. Tokoh fizik yang terkenal misalnya Ibnu Zuhri, Ubaidullah Ibnu al-Muzaffar al-Bahili. Tokoh astronomi pula ialah Ibnu al-Aflah, al-Majriti, Ibnu Tufayl, Ibnu Rusyd dan al-Zarqali.

Antara tokoh falsafah terkenal Andalusia ialah Ibnu Bajah, Ibnu Tufayl (*Hayy bin Yaqdhan*), Ibnu Rusyd (*al-Kulliyat*). Dalam bidang sains pula, tokoh yang terserlah ialah Abdullah Ibnu Ahmad, Ibnu al-Baytar, al-Zahrawi atau yang dikenali oleh dunia barat sebagai Abulcasis. Pakar dalam bidang matematik pula terdiri daripada al-Karnani dan Abu Salmah. Manakala bidang geografi menyaksikan salah

seorang tokoh geografi Andalusia yang terkenal iaitu Ibnu Ghilib telah menghasilkan sebuah karya khas tentang negara Sepanyol, bertajuk “Farhat al-Anfus fi Tarikh al-Andalus”. Tokoh terkenal dalam bidang perubatan ialah Ibnu Sina dan Abu al-Qasim al-Zahrawi. Malahan dalam dunia sastera pula, senarai sasterwan Andalus dalam seni puisi dan prosa tidak pernah terhenti bahkan merangkumi setiap abad kewujudan Islam di sana, misalnya Ibn Zaydun, Ibn Khafajah, Ibn Bassam al-Syantarini, Ibn Hani’ al-Andalusi, Ibn ‘Abdun, al-Mu’tamid bin ‘Abbad, al-A’ma al-Tutili dan Ibn ‘Abd Rabbih (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2000; Majid Fakhry, 1989; Muhammad Nur Effendi, 1997).

Justeru, berdasarkan penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa peri pentingnya ketamadunan Andalusia dalam perkembangan tamadun dunia. Kewujudan pelbagai pembangunan yang meliputi banyak aspek, iaitu agama, budaya dan sosial menjadikan Andalusia antara wilayah di benua Eropah yang mencipta sejarah kecemerlangan yang tersendiri. Malahan sehingga kini ia menjadi sebuah lokasi dan destinasi penting untuk para pelancong menyaksikan sejarah yang dibangunkan di wilayah terbabit. Pertembungan budaya antara Barat dan Islam jelas dilakar di negara Sepanyol dengan perkembangan wilayah Andalusia yang terletak di bahagian selatan. Maka, secara automatik negara Sepanyol menjadi tarikan lantaran sisi sejarah kegemilangan tamadun Islam yang terukir di wilayah Andalusia. Oleh itu, makalah ini memperlihatkan hubungan ketamadunan Islam dalam dua novel Melayu, *Lentera Cinta Albaicin* dan *Nuansa Kota Merah*. Kedua-dua novel ini menjadikan latar Andalusia sebagai tunjang dalam pengkaryaan mereka. Kajian ini akan memperlihatkan nilai agama, budaya dan sosial yang diajukan dalam novel terbabit.

■4.0 KESAN KETAMADUNAN ISLAM ANDALUSIA DALAM NOVEL MELAYU LENTERA CINTA ALBAICIN DAN NUANSA KOTA MERAH

Berdasarkan dua buah novel yang menjadi teras kajian, didapati pengarangnya mengemukakan hubungan ketamadunan Islam tentang Andalusia dalam karya masing-masing. Didapati pemaparan tentang unsur agama, budaya dan sosial dibangunkan pengarang dalam novel yang dihasilkan. Pengarang dalam kedua-dua buah novel berusaha membangunkan latar bumi Andalusia dengan memperkenalkan latar Cordoba dan Granada dalam novel masing-masing.

(a) Agama

Menerusi novel *Lentera Cinta Albaicin* jelas memperlihatkan unsur agama Islam dibangunkan pengarangnya. Hal ini ketara pada judul karya yang membawa latar Albaicin sebagai tunjang pengkaryaan. Novel ini menampilkan watak anak muda, Salehudin yang berkelana di Granada untuk perjuangan agama sekali gus membuka sebuah tadika Muslim. Pengarang mengajukan perjuangan Salehudin dengan gandingan Abdul Hakem bagi melestarikan cita-cita mereka dalam pendidikan Islam terhadap anak-anak di bumi Granada. Kesediaan Abdul Hakeem bergandingan dengan Salehudin dalam perjuangan Muslim Pre-School of Albaicin (MUSPA) memperlihatkan novel ini menjalankan unsur agama dalam karyanya. Dua anak muda walau berlainan bangsa dan tanah kelahiran, pun memiliki misi dan perjuangan agama yang sama. Salehudin anak jati Malaysia bergandingan dengan Abdul Hakeem, anak kelahiran Andalusia dalam membangunkan dakwah Islam.

Justeru, lokasi sejarah Islam seperti Puerta de Armas, Istana Alhambra, Granada dan Albaicin yang memperihalkan tentang kisah ketamadunan dan kegemilangan Islam dikemukakan pengarang dalam novel ini. Hal ini memperlihatkan bahawa pengarang memanfaat unsur agama dalam novel terbabit, khususnya sejarah keangungan Islam, sebagaimana contoh berikut:

“Diceritakan semasa zaman kegemilangan Islam di Andalusia dahulu, jambatan dari **Puerta del Cadi** ini bersambung sehingga ke menara itu. Kami memanggilnya Puerta de Armas, tempat tentera berkuda naik dan turun dari **Albaicin** ke **Alhambra**.” (hlm. 77)

“Pada zaman kegemilangannya, pemerintah Islam telah membina beratus-ratus tangki air bawah tanah yang digelar aljibes bagi menjana saliran air yang lebih sistematik ke seluruh Bandar ini. Kononnya pada masa itu, tekanan air sungai daripada tangki-tangki inilah yang membekalkan air ke setiap pancuran lama yang terdapat di sekitar **Granada**, khususnya Albaicin” (hlm. 107)

Menerusi novel *Nuansa Kota Merah* juga jelas memperlihatkan unsur agama Islam dibangunkan pengarangnya menerusi beberapa lokasi yang mempunyai sejarah Islam. Hal ini dapat diperhatikan menerusi percutian Dina anak kelahiran Kuala Lumpur ke Sepanyol, watak utama yang mendominasi novel ini. Berdasarkan beberapa latar yang dibangunkan pengarang dalam novel ini, terserah beberapa kisah ketamadunan dan kegemilangan Islam di bumi Andalusia. Pengutaraan latar-latar yang menyimpan sejarah Islam sebagaimana kegemilangan wilayah Andalusia turut memberikan keinsafan kepada Dina, watak utama dalam novel ini pada setiap perjalannya.

Didapati sebelum berkelana ke Andalusia, pengetahuan dan penghayatan anak muda ini terhadap Islam begitu ceteck dan rapuh. Walau bagaimanapun hasil daripada melawat sekitar wilayah Andalusia dengan peninggalan tamadun Islam khususnya menyaksikan istana Alhambra yang menyimpan khazanah silam telah membuka matanya untuk memartabatkan agama yang telah menjadi anutannya itu. Selain, rasa takjubnya kepada kebesaran Allah SWT lantaran terpesona dengan keindahan Andalusia dan malu kepada warga Sepanyol, Aaron yang telah menjadi penganut Islam sejati. Penelitian terhadap beberapa latar yang diajukan pengarang dapat diperhatikan pada latar Bukit La Sabica, Seville, Alhambra, dan Granada sebagaimana contoh berikut:

Dia akan mendaki **Bukit La Sabica** di seberang sana untuk menikmati pemandangan cantik di istana gah **Alhambra**. Dia akan berjalan-jalan di Bandar Granada menjelaki sejarah Islam yang pernah menyinari daerah ini. Dan kalau dia punya waktu, dia akan mengembara ke **Seville** atau Cordoba untuk melengkapkan kelanadi bumi Andalus. Dia akan buat itu semua, tekadnya dalam hati. (hlm. 60)

“**Granada** atau Selatan Sepanyol secara amnya memang menarik minat pelancong-pelancong Muslim dari serata dunia yang mahu melihat kehebatan kerajaan Islam di kurun kesepuluh sehingga hingga tiga belas dahulu. Ramai kawan-kawan kau dari Malaysia yang pernah datang ke sini,” cerita Aaron lagi. (hlm. 71)

Berdasarkan kutipan di atas jelas memperlihatkan pengarang menukilkan latar *Bukit La Sabica*, *Alhambra*, *Seville*, dan *Granada* dalam novel terbabit. Ini membuktikan bahawa Islam dibangunkan dengan begitu kukuh di Andalusia suatu ketika dahulu. Hal yang sama dikemukakan pengarang dalam petikan di bawah yang menunjukkan latar *Alhambra* dan *Torre Del Oro* diperincikan dengan begitu meyakinkan untuk membuktikan kegemilangan agama Islam di bumi Andalus.

Seperti yang telah dijanjikan, Aaron menghantar Dina hingga ke gerbang **Alhambra** yang juga tempat terletaknya kaunter menjual tiket masuk. Walaupun masih awal pagi, pelancong-pelancong sudah beratur untuk membeli tiket masuk dan menikmati keindahan istana di puncak *Bukit La Sabica* itu.

Istana sultan yang dibina oleh tiga pemerintah itu adalah lambang kemodenan pemerintahan itu adalah lambang kemodenan pemerintahan Islam yang terus berkembang hingga di saat-saat akhir kejatuhan Empayar Nasrid yang menyebarkan agama suci ini di bumi Eropah. (hlm. 75)

Perkarangan masjid yang comel itu mengambil sepenuhnya ciri-ciri seni bina Arab di Bumi Andalus. Taman lambang Firdausi itu menghadap Lembah Darro dan merupakan tempat paling strategik untuk menikmati Kota *Alhambra* pada waktu petang. (hlm. 135)

Itulah salah satu menara lama yang dibiarkan kekal sebagai tempat bersejarah di *Seville*. **Torre Del Oro** bermaksud Menara Keemasan telah dibina pada kurun ke-13, pada zaman pemerintahan al-Muwahiddin... (hlm. 462)

(b) Budaya

Berdasarkan novel *Lentera Cinta Albaicin*, dikemukakan budaya Bumi Andalusia yang membawa ketamadunan Islam, iaitu sejarah *Alhambra* yang memiliki keistimewaan yang tersendiri. Maka, pengarang novel ini memperincikan tentang rekabentuk binaan istana *Alhambra* yang menjadi mercu tanda kehebatan Sepanyol dalam industri pelancongan. Selain memaparkan warisan budaya yang tinggi, *Alhambra* yang disuguhkan dalam novel dapat mengilhamkan hasrat pembaca untuk sama berkelana ke bumi Andalus. Rekabentuk *Alhambra* yang berseni, lokasi *Paseo de Los Tristes* dan *Masjid Jamek Granada* yang digambarkan pengarang memperlihatkan budaya dan warisan bumi Andalusia yang begitu menjadi tarikan dunia. Hal ini terungkap dalam contoh di bawah:

Dari dataran yang berturapkan batu *cobble* bercorak geometri ini, keseluruhan **Alhambra** akan nampak lebih jelas. Salehudin lihat ramai pelancong dari sekitar Eropah mengambil peluang bergambar berlatarbelakangkan monumen bersejarah itu. (hlm. 19)

Paseo de Los Tristes merupakan satu lagi tempat kunjungan pelancong yang popular di *Granada*. Terdapat sebuah kafe besar berhampiran kolam air pancuran itu untuk memudahkan para pelancong membiasahi tekak dan merehatkan kaki yang lengan akibat menjelajahi permukiman *Albaicin* (hlm. 30)

“Sebahagiannya ialah tapak asal **Masjid Jamek Granada**. Gereja ini mengambil masa selama seratus lapan puluh satu tahun untuk disiapkan. Seni bina renaissance, gotik dan barok saling bercampur!” (hlm. 150)

Selain itu, penampilan budaya makanan masyarakat Arab-Andalus dikemukakan pengarang dalam novel *Lentera Cinta Albaicin* berdasarkan beberapa penampilan makanan tradisi wilayah terbabit. Antara yang menonjol diajukan pengarang ialah menu “empadillas”, iaitu seumpama karipap yang mempunyai inti daging dalam gulungannya, “batidos”, iaitu bijiran atau kacang dan buahan campuran, “harcha”, iaitu roti berbentuk bulat yang diperbuat menggunakan tepung suji, “Berber”, iaitu telur dardar, “baguette”, iaitu makanan berinti daging dan kambing pangang dengan kuskus delima. Selain, tomata, salad dan minyak zaitun merupakan pelengkap masakan masyarakat Arab - Islam di bumi Andalus turut dikemukakan pengarang dalam novel ini. Kesemua menu terbabit merupakan makanan ruji dalam kalangan mereka sejak zaman berzaman. Diketahui bahawa masakan tradisi masyarakat Arab-Islam di bumi Andalus merupakan hasil gabungan antara Timur Tengah dengan Asia Barat, maka hal ini terungkap dalam beberapa contoh berikut:

Ahmad, pemuda yang berasal dari Tangier, Morocco, sibuk menggoreng **empadillas** sewaktu diperkenalkan. Seorang lagi pemuda yang dipanggil Nasir kelihatan sibuk memotong daging kambing, hanya mampu tersenyum lalu mengangkatkan tangannya. (hlm. 23)

Majeed mengangguk. “Seorang teman saya pernah termuntah sebaik sahaja menyedut **batidos** beberapa kali. Tetapi saya bersetuju dengan kamu, batidos al-Marjan memang terbaik di *Albaicin*!” (hlm. 152)

Abdul Hakeem dan Salehudin bersepakat memesan **harcha**, roti berbentuk bulat yang diperbuat menggunakan tepung suji. Mereka juga memesan **berber** iaitu telur dadar yang dimasak di dalam periuk tajine untuk dinikmati bersama **harcha**. (hlm. 279)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan budaya makanan Andalusia dilakarkan pengarang untuk disesuaikan dengan latar tempat bumi Andalus. Begitu juga dengan petikan di bawah yang memperlihatkan budaya makanan Andalusia diberikan penerangan oleh pengarang dengan begitu rapi dan terperinci.

Mereka terpaksa menunggu lebih kurang sejam sebelum hidangan yang dipesan tiba. Salehudin akur dengan kata-kata Majeed. *Tajine kambing* dengan kuskus delima yang disediakan di teteria itu ternyata sungguh lazat sekali! Mereka bertiga langsung tenggelam dalam menikmati hidangan yang menyelerakan sambil terus ditemani alunan muzik Andalusia yang begitu mengasyikkan. (hlm. 357)

Ramai sedang bersarapan pagi di situ. Sama ada mencicipi kopi panas bersama kepingan *baguette* bakar yang disapu minyak zaitun dan tomato ataupun sekadar *plain croissants*, Plaza Neuva adalah satu tempat tumpuan pelancong yang paling strategik. (hlm. 74)

Rakaman budaya bahasa juga diajukan pengarang dalam novel ini berdasarkan pengalaman Salehudin berurus di Granada. Didapati prinsip jati diri warga Arab Moor yang tekal dengan bahasa ibundanya begitu meninggalkan kesan patriotisme kepada Salehudin. Hal ini memperlihatkan golongan Arab Moor yang masih jitu mempertahankan bahasa ibunda mereka walaupun sudah lama menetap di bumi Eropah.

“Jelas sekali orang Arab Moor dahulukala masih menyanjung tinggi kedaulatan bahasa ibunda mereka, biarpun beratus-ratus tahun mereka bermastautin di benua Eropah!” (hlm. 327)

Berdasarkan novel *Nuansa Kota Merah* pula, nilai budaya ditampilkan pengarang menerusi seni warisan budaya rumah yang terdapat di Granada. Seni bina masyarakat Arab Moor diperikan dengan indah dalam karya ini. Malahan, novel ini juga mengemukakan seni bina dan seni ukir halus yang berbentuk geometri yang terdapat di Alhambra. Hal ini telah menawarkan kesan estetika dalam diri watak utama novel, Dina tentang kehebatan seni budaya warisan Islam. Maka, ini turut memperlihatkan ketamadunan dan kegemilangan budaya Islam yang tinggi yang dimiliki semasa pemerintahannya di Andalusia. Hal ini dapat diperhatikan sebagaimana contoh berikut:

Seni bina Moor atau orang Arab di utara Tanah Afrika, dikekalkan sepenuhnya di rumah ini. Terdapat laman dalam yang dilindungi pagar batu tinggi untuk memberi privasi kepada penghuni rumah terutama penghuni wanita. (hlm. 49)

Pertembungan dua budaya yang berbeza ini menjadikan Alhambra kaya dengan seni bina dan seni ukir halus yang tak lapuk dek masa. Keindahan seni bina ini bukan saja menggamit hati para pelancong tetapi juga Raja dan Ratu Castille sendiri. Hingga mereka tidak sanggup membuang semua **seni geometri yang cantik** selepas berjaya menakluki kembali Tanah Andalus daripada pemerintahan keluarga Arab. (hlm. 79)

Selain itu, penampilan budaya makanan masyarakat Arab-Andalus turut dikemukakan pengarang dalam novel *Nuansa Kota Merah* sebagaimana novel *Lentera Cinta Albaicin* berdasarkan beberapa penampilan makanan tradisi wilayah terbabit. Pemaparan menu “*gazpacho Andaluz*”, iaitu sup pekat yang diperbuat daripada tomato beserta timun dan menu “*remojon*”, iaitu salad tipikal dicampurkan dengan hirisn oren dan bawang bersama ikan kod bakar memperlihatkan tradisi masyarakat di bumi Andalus yang memiliki renah masakan yang berbeza dengan tanahair:

Makan malam yang disediakan oleh Jasmin memang sungguh menyelerakan. Ada *Gazpacho Andaluz* atau sup pekat yang diperbuat daripada tomato dan timun yang dihancurkan lumat, sajian khusus dimakan dalam musim panas untuk menyegukkan badan. Hidangan seterusnya adalah *Remojon*, iaitu salad tipikal orang tempatan di mana ikan kod bakar dicampurkan dengan hirisn oren dan bawang. (hlm. 94-95)

(c) Sosial

Berdasarkan novel *Lentera Cinta Albaicin*, unsur sosial dipaparkan pengarang menerusi hubungan yang padu dalam golongan masyarakat di bumi Andalus. Novel ini menampilkan masyarakat yang pelbagai bangsa dan agama yang mewarnai bumi Andalus yang saling hormat menghormati. Berpandukan dengan perilaku Abdul Hakeem, anak muda Andalus yang begitu menghargai persahabatan dengan Salehudin, anak muda Malaysia, novel ini memperlihatkan jalinan baik antarabangsa dalam hubungan manusia dengan manusia. Selain itu, pengarang mengemukakan hubungan yang harmoni antara masyarakat berbilang bangsa yang terdiri daripada Pakistan, Syria, Lebanon, Nigeria dan Bangladesh yang menetap di bumi Andalus. Golongan ini saling bekerjasama dalam menjayakan misi dakwah dan pertumbuhan ilmu Islam di bumi Andalusia. Maka ini memperlihatkan kegemilangan Islam dalam perkembangan sejarah Islam yang turut menyaksikan jalinan utuh pelbagai bangsa dalam melestarikan Islam. Gambaran kedatangan pelancong yang ramai saban tahun untuk menikmati keindahan dan kehebatan Alhambra juga menunjukkan keharmonian dan kesentosaan sesama manusia walaupun berlainan agama dan bangsa tentang ketamadunan Islam:

Muka-muka berdarah Pakistan, Syria, Lebanon, Nigeria dan Bangladesh memenuhi hampir separuh jumlah yang datang. Sebahagian kecilnya terdiri daripada rakyat pecahan bekas Negara Rusia seperti Kosovo, Albania dan Bosnia. Selebihnya pula adalah rakyat Arab-Morocco yang mendominasi jumlah terbesar jemaah Islam di Albaicin pada ketika itu. (hlm. 263)

Pada pagi itu, lorong berturap yang menuju ke Istana Alhambra agak sibuk dengan pejalan kaki. Tidak ketinggalan bas mini merah-putih yang setia berkhidmat membawa pelancong. Agaknya mungkin kerana Granada sedang mengecapi awal musim panas. Kebanyakan pelancong dari sekitar Eropah mengambil peluang melawat ke kota bersejarah itu. (hlm. 318)

Berdasarkan novel *Nuansa Kota Cinta* pula, unsur sosial dipaparkan pengarang menerusi jalinan kesefahaman golongan masyarakat yang pelbagai bangsa dan agama di bumi Andalus sebagaimana *Lentera Cinta Albaicin*. Hal ini dapat diperhatikan menerusi hubungan yang harmoni dalam keluarga Aaron yang terdiri daripada dua penganut berbeza, iaitu Islam dan Kristian. Digambarkan bahawa Aaron, anak muda Sepanyol yang memeluk agama Islam hasil daripada dakwah yang diperoleh semasa menuntut di Universiti Islam

Antarabangsa, namun tetap menghormati keluarganya yang masih kekal beragama Kristian. Sementelahan pula ibu Aaron, walaupun berlainan agama dengan Dina begitu menyambut baik kedatangan anak muda itu ke rumahnya. Diperikan sifat Jasmin, ibu Aaron yang melayan wanita Melayu itu dengan ramah dan santun. Hal yang sama dipaparkan pengarang tentang masyarakat di bumi Andalus terutamanya pentadbir Masjid yang begitu menghormati pelancong yang bertandang melawat Alhambra tanpa mengira bangsa dan agama. Selain gambaran tarikan pelancong yang datang ke bumi Andalus kerana tertawan dengan keharmonian masyarakatnya yang masih mempertahankan jalinan baik sesama manusia sebagaimana dalam tradisi kegemilangan tamadun Islam silam:

Pentadbir masjid ini mengamalkan polisi terbuka yang membenarkan pelancong-pelancong untuk datang menikmati udara segar dan pemandangan indah Kota Alhambra. Mereka berharap pelancong itu bukan sahaja dapat menikmati pemandangan indah dari perkarian masjid, malah akan tertarik dengan agama Islam yang lembut dan indah ini. (hlm. 134)

“Andalus menjadi tarikan kepada orang bukan Islam kerana mereka tertarik dengan tatacara hidup di sini. Kau tahu tak pada zaman kegelapan di Eropah, tanah Andalus di Semenanjung Iberian ini terang-benderang dengan cahaya? Ketika rakyat di Eropah berada dalam zaman yang mundur, teknologi baharu dan moden dicipta di sini.” Aaron mendepangkan tangan ketika mereka melawat Cordoba. (hlm. 476)

■5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan tentang hubungan ketamadunan Islam dengan Andalusia dalam dua buah novel kajian jelas menunjukkan garapan yang dibangunkan pengarang dalam novel terbabit. Menerusi unsur agama, budaya dan sosial yang ditampilkan dalam novel dapat menyerlahkan hubungan ketamadunan Islam dengan bumi Andalusia. Walau bagaimanapun, berdasarkan kedua-dua buah novel jelas memperlihatkan bahawa unsur agama lebih dominan dalam novel *Lentera Cinta Albaicin* berbanding dengan novel *Nuansa Kota Merah*. Pemaparan tentang perjuangan agama dan membangunkan dakwah jelas terakam dalam novel *Lentera Cinta Albaicin* yang dipertalikan dengan ketamadunan Islam dan Andalusia. Berbanding pemaparan unsur agama dalam novel *Nuansa Kota Merah* hanya sebagai selingan atau sisipan berdasarkan *flashback* watak-watak silam berdasarkan sejarah Andalusia, yang bukan mendominasi keseluruhan plot novel.

Menerusi unsur budaya dan sosial pula, kedua-dua buah novel segandingan mengemukakan nilai terbabit untuk dihubungkan dengan ketamadunan Islam dan Andalusia. Gambaran budaya bahasa, seni bina dan makanan dijadikan teras pengisian mengaitkan hubungan ketamadunan Islam di Andalusia. Paparan sosial yang melibatkan hubungan yang harmoni dalam kalangan bangsa dan agama di bumi Andalus mewarnai kedua-dua novel untuk iktibar khalayak pembaca. Jadi, secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa menerusi unsur agama, budaya dan sosial kedua-dua buah novel telah membawa hubungan ketamadunan Islam dengan Andalusia sebagai rujukan sejarah yang bermanfaat untuk masyarakat pembaca. Ini sekali gus memberi perspektif baharu dalam persuratan Melayu kerana muatan latar wilayah Andalusia yang terletak di negara Sepanyol agak langka dalam perkembangan novel Melayu.

References

- Berahim @ Ibrahim, A. Z. (2011). Peranan dan Kewarganegaraan Bukan Islam Di Bawah Kerajaan Islam Andalusia, dlm. *Baldatun Tayyibah Model Andalusia*, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri Mohamed Shapik (penyelenggara). Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia dan Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Ismail Hamid (1983). *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2000). *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid Fakhry (1989). *Sejarah Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sani Badron (2012). Tamadun Sebagai Kenyataan Luhur Budi dan Cermynan Halus Pekerti: Jasa al-Attas Melalui Istac (1987-2002), dlm. *Adab dan Peradaban-Karya Pengitirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (suntingan). Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd
- Muhammad Nur Effendi (1997). *Cendekiawan Muslim-Pembina Tamadun dan Kecemerlangan Umat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Muhammad Uthman el-Muhamady (1976). *Peradaban Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Mustafa Daud (2002). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Osman Khalid (1997). *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiah, Andalus dan Zaman Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Syihab (2009). Agama dan Perubahan Masyarakat Menurut Malik Bennabi, dlm. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Raghbir As-Sirjan (2013). *Bangkit dan Runtuhnya Andalusia, Jejak Kejayaan Peradaban Islam di Sepanyol*. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.